

TAWHID ULUHIYYAH, RUBUBIYYAH DAN AL-ASMA' WA AL-SIFAT MENURUT TAFSIRAN MUHAMMAD RASYID RIDA  
DALAM *TAFSIR AL-MANAR*

oleh:

Mustaffa bin Abdullah<sup>1</sup>  
Ahmad Zaki bin Ibrahim<sup>2</sup>

**ABSTRACT**

*The article discusses Muhammad Rashid Rida's view pertaining to categories of tawhid i.e. al-Uluhiyyah, al-Rububiyah and al-Asma' wa al-Sifat. It also examines arguments and proofs advanced by him whether it is able to shed lights or not pertaining to Divine current issues in Malaysia.*

**PENDAHULUAN**

Persoalan tauhid merupakan teras kepada perjuangan Nabi Muhammad s. `a.w. dan seluruh hayat baginda dihabiskan untuk tujuan itu. Kesedaran ini terpahat kukuh dalam diri Sayyid Muhammad Rasyid Rida, justeru beliau melihat elimen tauhid sebagai asas dan pemangkin untuk mengembalikan kegemilangan umat Islam yang semakin ketinggalan dalam pelbagai bidang. Perkara ini diberi penegasan oleh beliau dengan mengatakan: seandainya seseorang itu faham dengan sebenarnya maksud surah yang paling pendek mengenai tauhid dan tanzih menurut yang sewajarnya seperti yang dijelaskan dalam Surah al-Ikhlâs nescaya tidak ada ruang langsung untuk syirik memasuki hati dan menguasai akal fikirannya, kerana akidah tauhid yang terkandung dalam al-Quran adalah merupakan makrifah yang paling tinggi yang mengangkat kedudukan manusia ke setinggi-tinggi darjat kesempurnaan rohaniah, akhlak dan kamanusiaan. Ramai dari kalangan sarjana barat mengakui kebenaran ini dan menegaskan betapa senangnya memahami akidah al-Quran yang amat bersesuaian dengan

1 Dr Mustaffa Abdullah adalah Prof. Madya merangkap Ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

2 Dr Zaki Ibrahim adalah Prof. Madya di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



akal fikiran. lantas ajaran al-Quran mudah diterima oleh bangsa-bangsa lain selain Arab dan akhirnya agama lain termasuk Kristian tertewas berhadapan dengannya.<sup>3</sup>

Lantaran berpegang dengan akidah tauhid dan cinta kepada Allah, bertawakkal dan mengabdikan diri dengan sepenuhnya menyebabkan umat Islah terdahulu menjadi kuat, bersih jiwa, berhemah tinggi, bermaruah, dirahmati kawan dan digeruni lawan. Berdasarkan sifat-sifat keunggulan ini mereka berjaya menegakkan kebenaran dan keadilan menerusi peluasan wilayah Islam dan berjaya menundukkan umat yang gagah perkasa serta membebaskan mereka dari belenggu kejahilan dan kepalsuan.

Kekuatan dan keistimewaan yang ada pada akidah tauhid ini diperincikan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida dalam karyanya *Tafsir al-Manar* dan beberapa karya yang lain seperti *al-Wahy al-Muhammadi*, *Risalah fi al-Tawhid `ala Tariqah al-Su' al wa al-Jawab* dan lain-lain, walau bagaimanapun artikel ini lebih memfokuskan kepada tulisan beliau dalam *Tafsir al-Manar*. Tafsiran beliau terhadap persoalan tauhid ini dibahagikan kepada tiga iaitu *Tauhid al-Uluhiyyah*, *al-Rububiyyah* dan *al-Asma' wa al-Sifat* dan pembahagian ini dilihat selari dengan ulama salaf yang lain.

## TAUHID TIGA SERANGKAI

Tauhid tiga serangkai yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada *Tawhid al-Rububiyyah* yang ditafsirkan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sebagai tauhid kekuasaan. Ia membawa maksud mengaku dan mengiktiraf bahawa Allah adalah Tuhan Yang Maha Esa, pencipta kepada seluruh alam dan pemiliknya. Allah yang mencipta, memberi rezeki kepada semua makhluk, menghidup dan mematikan sesuatu yang ada di atas alam maya ini.<sup>4</sup> Allah sahaja yang memberi mudarat, manfaat dan kesenangan kepada seseorang. Allah yang menerima permohonan hambanya. Dialah yang mentadbir, mengurus perjalanan alam ini dan berkuasa melakukan sesuatu menurut kehendakNya dan tidak ada kuasa yang mampu menandingi kekuasaanNya.<sup>5</sup>

3 Muhammad Rasyid Rida (1971), *al-Wahy al-Muhammadi*, al-Maktab al-Islami, h. 174-175

4 \_\_\_\_\_ (1999), *Tafsir al-Manar*, j. 8, h. 392, j. 10, h. 221, j. 12, h. 158. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

5 *Ibid.*, j. 7, h. 338.



Tafsiran di atas menunjukkan bahawa manusia tidak mempunyai hak untuk menjadi *al-rabb* atau *al-ilah* kerana Allah yang mencipta, memiliki segala sesuatu pada setiap zaman dan keadaan dengan sempurna. Lantaran itu Islam dipanggil agama tauhid kerana ia berasaskan kepada ajaran mentauhidkan Allah pada setiap aspek samada pada kekuasaan dan perbuatan. Keesaan pada zat, sifat dan ketuhanan (*uluhiyyah*), maka Allah sahajalah yang berhak disembah dan tidak layak disekutukan dengan sesuatu yang lain.<sup>6</sup>

Bagi Sayyid Muhammad Rasyid Rida, *Tawhid al-Rububiyyah* diiktiraf oleh semua umat manusia samada seseorang itu Islam atau sebaliknya, kecuali orang-orang yang tidak percaya kepada kewujudan tuhan seperti golongan Atheis.<sup>7</sup> Oleh itu jika seseorang hanya percaya kepada tuhan dan percaya kepada tauhid ini sahaja dan tidak kepada tauhid yang lain, dia tidak boleh dianggap sebagai seorang muslim kerana untuk menjadi muslim yang sebenar seseorang itu perlu mengakui dan menyakini *Tawhid al-Rububiyyah*, *Tawhid al-Uluhiyyah* dan *Tawhid al-Asma' wa al-Sifat* dalam ertikata yang sebenar.

Sekalipun golongan yang tidak beriman percaya kepada *Tawhid al-Rububiyyah*, tetapi mereka tidak dikategorikan sebagai muslim kerana keingkaran mereka kepada *uluhiyyah* Allah. Lantaran itu dalam al-Qur'an, Allah menegaskan bahawa ramai dari kalangan umat manusia tidak beriman dengan sebenarnya, bahkan mereka dianggap kufur kepada Allah, seperti firmanNya:

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُونَ

Maksudnya: “Kebanyakan mereka tidak beriman dengan Allah dan mereka menjadi orang-orang musyrik”<sup>8</sup>

Pengulangan *Tawhid al-Rububiyyah* dalam ertikata esa Allah dalam penciptaan, penentuan perjalanan makhluk, pentadbiran alam, penentuan syariat bukan hanya bertujuan untuk memberi keyakinan kepada golongan *mu`attilin* dan musyrikin tentang rububiyyah Allah, bahkan yang lebih utamanya adalah untuk mengemukakan hujjah tentang kepalsuan melakukan syirik terhadap Allah.<sup>9</sup> Oleh yang demikian, untuk menjadi muslim dalam erti kata yang sebenar, seseorang itu perlu beriman dengan ketiga-tiga jenis

6 Sulaiman bin `Abd Allah (1987), *Taysir al-`Aziz al-Hamid fi Syarh Kitab al-Tawhid*, Kaherah: Dar al-Ihsan, h. 33.

7 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 12, h. 158.

8 Surah Yusuf: 106.

9 Muhammad Rasyid Rida (1971), *al-Wahy al-Muhammadi*, al-Maktab al-Islami, h. 170

tauhid secara sepadu<sup>10</sup> untuk membolehkan mereka menghayati ajaran Islam yang sebenar sesuai dengan agama fitrah manusia.

Manakala *Tawhid al-Uluhiyyah* didefinisikan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sebagai mentauhidkan Allah dan beribadat hanya kepada Allah dan tidak mensyirikannya dengan yang lain.<sup>11</sup> Jika salah satu hak peribadatan diberikan kepada yang lain selain daripada Allah, maka berlakulah penyelewengan dan terjadinya syirik kepada Allah dalam konteks tauhid ini.<sup>12</sup>

Memandangkan *Tawhid al-Uluhiyyah* ini mempunyai pertalian yang rapat dengan pengabdian atau pengibadatan kepada Allah, lantas pengertian tentang ibadat perlu difahami dengan baik oleh setiap umat Islam, kerana ibadat merupakan suatu nama bagi sesuatu yang disukai Allah samada berbentuk perkataan atau perbuatan. Lantaran itu ia perlu dilakukan dengan ikhlas kepada Allah dan tidak disertakan dengan sebarang unsur syirik dengan sesuatu yang lain.<sup>13</sup>

Apabila seseorang itu beriman dengan *Tawhid al-Uluhiyyah*, maka secara langsung dia dikira beriman dengan *Tawhid al-Rububiyyah* dan *Tawhid al-Asma' wa al-Sifat*, kerana *Tawhid al-Uluhiyyah* merangkumi di bawahnya tauhid yang lain, tetapi tidak sebaliknya.

Sebenarnya *Tawhid al-Uluhiyyah* adalah berasaskan pengakuan terhadap keesaan Allah yang terangkum dalam lafaz لا اله الا الله yang membawa maksud: Tiada Tuhan melainkan Allah.<sup>14</sup> Pengakuan itu selaras dengan firman Allah:<sup>15</sup>

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Maksudnya: “Tidaklah Kami ciptakan manusia dan jin melainkan untuk beribadat”

10 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 7, h. 249, j. 8, h. 390.

11 *Ibid.*, j. 10, h. 221, j. 11, h. 415.

12 Ja'far Subhani (1400), *Ma'alim al-Tawhid fi al-Qur'an al-Karim*, Ja'far al-Hadi (ed.), Tehran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah, h. 383-384.

13 Syaykh Sulayman bin 'Abd Allah (1987), *op.cit.*, h. 36.

14 Kupasan mendalam mengenai pengertian *La Ilaha Illa Allah* telah dikemukakan oleh Badr al-Din Muhammad bin 'Abd Allah al-Zarkasyi (m. 794H) menerusi karya *Ma'na La Ilaha illa Allah*, cetakan Dar al-Nasr li al-Tiba'ah al-Islamiyyah, Mesir (1982).

15 Surah al-Zariat: 56.

Menurut Sayyid Muhammad Rasyid Rida, umat Islam dituntut memahami pengertian dan tuntutan *Tawhid al-Uluhiyyah* ini memandangkan ia merupakan agenda dakwah Nabi Muhammad s. 'a.w. yang paling utama. Ia juga merupakan agenda para rasul sebelum Baginda s. 'a.w. yang berorientasikan seruan mengajak umat manusia beriman kepada Allah<sup>16</sup> seperti yang dilakukan oleh nabi Nuh,<sup>17</sup> Hud,<sup>18</sup> Saleh,<sup>19</sup> Syu'ayb<sup>20</sup> dan nabi-nabi lain. Ia ditegaskan oleh Allah menerusi firmanNya:<sup>21</sup>

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ

Maksudnya: *“Tiada Kami utus seorang rasul sebelum kamu melainkan Kami mewahyukan kepadanya, bahawa sesungguhnya tidak ada tuhan kecuali Aku, sebab itu sembahlah Aku”*

Kegagalan memahami konsep dan pengertian tauhid ini menyebabkan ada di kalangan umat manusia menyeleweng dari jalan yang sebenar, lalu mengabdikan diri bukan kepada Allah. Fenomena seperti ini menurut Sayyid Muhammad Rasyid Rida, adalah disebabkan oleh dua faktor utama:<sup>22</sup>

Pertama: Kejahilan dan kelemahan pemikiran sebahagian umat manusia yang melihat sebahagian ciri kekuasaan Allah terdapat pada sebahagian makhluk kejadiannya, lalu mereka menyangka ciri-ciri tersebut adalah sifat sebenar makhluk itu dan ia tidak perlu akur kepada sunnah Allah yang terikat dengan sebab dan musabab. Perkara ini berlaku kerana kelemahan akal fikiran manusia yang tidak dapat memahami realiti kekuasaan Allah yang berbeza dan tidak mampu ditandingi oleh orang lain. Ia menyebabkan seseorang itu tidak tunduk dan patuh kepada perintah Allah.

Kedua: Kebodohan sebahagian umat manusia memuja objek-objek tertentu dengan sangkaan ia mampu memberi kebaikan dan kemudharatan. Ia digunakan sebagai perantaraan (*wasilah*) untuk berhubung dengan tuhan yang sebenar (Allah). Lalu mereka memohon syafaat di sisinya, seperti patung-patung, berhala, kubur, dan sebagainya.

16 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 12, h. 157.

17 Surah Hud: 26.

18 Surah Hud : 50.

19 Surah Hud : 61

20 Surah Hud : 84

21 Surah al-Anbiya': 25

22 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 7, h. 470.

Fahaman seperti ini menurut Sayyid Muhammad Rasyid Rida adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar, kerana memohon sesuatu perkara kepada selain daripada Allah memberi erti terhakis ciri-ciri keesaan Allah dan kebebasanNya dalam menunaikan permintaan umat manusia, bahkan Allah dilihat terikat dengan perantara yang boleh mempengaruhi keputusanNya.<sup>23</sup> Ia suatu perbuatan syirik yang menafikan kesucian Allah dan kesyirikan seperti inilah yang berlaku di kalangan masyarakat Arab pada zaman Nabi Muhammad s.`a.w.

Sementara *Tawhid al-Asma' wa al-Sifat* ditafsirkan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sebagai mengesakan Allah dari segala nama dan sifat-sifatNya, kerana Allah hanya layak bersifat dan memiliki sifat-sifat kesempurnaan. Allah mengetahui segala sesuatu, berkuasa ke atas setiap perkara, hidup, tidak mengantuk, tidur dan tidak memiliki segala sifat kekurangan yang lain. Segala kehendak Allah terlaksana dan tidak ada yang mampu menghalang kehendakNya. Allah maha mendengar, melihat dan bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan. Allah mempunyai nama-nama yang baik dan sifat yang mulia.<sup>24</sup> Maha suci Allah dari bersifat dengan sifat kekurangan dan kelemahan.

Nama-nama Allah banyak terdapat di dalam al-Qur'an dan ia disebut secara berulang kali di beberapa tempat yang berlainan. Rahsia pengulangan ini dicungkil oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida dengan mengatakan ia adalah sebagai peringatan kepada umat Islam tentang kedudukan pencipta yang bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan. Pengulangan itu juga dapat menambahkan rasa keagongan dan kecintaan kepada Allah, mengharapakan rahmat dan ihsanNya serta takut kepada azab kesiksaan Allah khususnya bagi orang yang tidak menerima petunjuk al-Qur'an.<sup>25</sup>

Sehubungan dengan itu terdapat banyak ayat yang menyeru beriman kepada Allah yang menyubur dan meneguhkan konsep tauhid dan mengangkat umat Islam kepada darjat yang berbeza tingginya iaitu menerusi makrifatnya kepada Allah, pergantungan dan kecintaan kepadaNya dengan membanyakkan ucapan tanzih, takdis dan tasbih kepadaNya disamping menyebut nama-namaNya yang mulia bercampur ayat-ayat itu dengan penerangan hukum-hukum syarak yang berbagai hingggakan hukum hakam bersuci, pembahagian harta pusaka dan pengurusan harta benda bercampur

23 *Ibid.*

24 al-Syaykh Sulaiman bin Abd `Allah (1987), *op.cit.*, h. 34-35.

25 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 81.

dengan ketentuannya dalam penciptaan seluruh makhluk serta dengan kebijaksanaanNya dalam mentadbir urusan semesta alam, pengawasan terhadap peraturan dan sistem-sistem yang terdapat padanya dan juga tabiat-tabi'at manusia serta segala hal yang berlaku dalam urusan-urusan kemasyarakatan mereka dan meletakkan tiap-tiap nama daripadanya pada tempat yang munasabah dan sesuai seperti ilm, hikmah, kudrah, masyiah, hilm dan sebagainya, disamping perintah bertawakkal, gerun kepadaNya kerana keagungan, keadilanNya serta mengharapkan rahmat dan limpahanNya. Sebagai contoh perhatikan pada permulaan surah al-Hadid: 1-3, Allah berfirman maksudnya:

*“Segala yang ada di langit dan di bumi tetap mengucap tasbih kepada Allah; dan Dia lah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Dia lah sahaja yang menguasai dan memiliki langit dan bumi; ia menghidupkan dan mematikan; dan ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. Dia lah Yang awal dan Yang Akhir; dan Yang zahir serta Yang Batin; dan Dia lah Yang Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”*

Firman Allah dalam surah al-Hashr: 22-24, maksudnya:

*“Dia lah Allah, Yang tidak ada Tuhan melainkan dia; Yang mengetahui perkara Yang ghaib dan Yang nyata; Dia lah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Dia lah Allah, Yang tidak ada Tuhan melainkan dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat sejahtera (dari Segala kekurangan); Yang Maha melimpahkan Keamanan; Yang Maha pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi Segala KebesaranNya. Maha suci Allah dari Segala Yang mereka sekutukan dengannya. Dia lah Allah, Yang menciptakan sekalian makhluk; Yang mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut Yang dikehendakiNya); bagiNya lah nama-nama Yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadanya Segala Yang ada di langit dan di bumi; dan Dia lah Yang tiada bandingNya, lagi Maha Bijaksana”*

Nama-nama Allah yang disebut dalam ayat suci di atas adalah menjadi sumber bagi daya hidup rohaniah dalam hati nurani dan memancarkan cahaya makrifat ilahiyah ke atas akal manusia. Daripadanya para *awliya' al-`arifin* memperolehi kekuatan dan hikmah-hikmah yang tinggi untuk mengenali Allah dan rahsia-rahsia penciptaanNya.

Inilah tujuan yang paling utama dari perintah al-Quran kepada orang-orang yang beriman agar mereka membanyakkan zikir kepada Allah dalam apa jua keadaan seperti berdiri, duduk dan berbaring supaya jadilah Allah mengatasi segala apa jua yang ada hubungan dengan dirinya sepertimana perintah Allah kepada Nabi Yusuf a.s pada surah Yusuf: 21. Dengan demikian mereka membenci setiap perkara batil dan durjana, malah yang benar dan kebajikan sahaja yang menjadi pilihan mereka dalam kehidupan ini, sebagai natijah dari zikir yang mereka amalkan iaitu pujian Allah ke atas mereka berserta para malaikatNya untuk mengeluarkan mereka daripada kegelapan kejahilan kepada cahaya makrifat sepertimana yang ditegaskan oleh Allah dalam surah al-Ahzab ayat 41-43.<sup>26</sup>

Pendapat Sayyid Muhammad Rashid Rida berhubung pembahagian tauhid ini dilihat sama dengan pandangan Ibn Taimiyyah yang membahagikannya kepada tiga seperti yang diperkatakan di atas.<sup>27</sup> Walau bagaimanapun sikap beliau menenai perkara ini lebih sederhana berbanding Ibn Taimiyyah yang dilihat sukar menerima pandangan ulama lain yang berbeza pandangan dengannya berhubung persoalan tauhid ini.<sup>28</sup> Sayyid Muhammad Rashid Rida tidak menolak sepenuhnya pendekatan ulama aliran khalaf dalam mentafsir perkara ini, ia dapat dibuktikan apabila beliau dilaporkan berkata: “ada diantara tasybih yang mendatangkan fitnah dan meliarkan. Sebahagian daripada takwil dapat menghilangkan sebahagian keraguan yang menyesatkan. Justeru itu kami menyebut sebahagian daripada pentakwilan aliran khalaf walaupun kami berpegang dengan prinsip tafwid aliran salaf”.<sup>29</sup> Pendekatan dan sikap sederhana yang diambil oleh tokoh besar ini sepatutnya diteliti dan diwacanakan supaya dapat difahami dan seterusnya mewujudkan kesederhanaan dalam pemikiran umat Islam yang masing-masing berjuang memahami konsep tauhid dengan sebenar.

26 Muhammad Rasyid Rida (1971), *al-Wahy al-Muhammadi*, al-Maktab al-Islami, h. 172-173.

27 Muhammad bin Salih al-Uthaymin (1997), *Syarh Kasyf al-Syubuhah*, Riyad: Dar al-Thurayya li al-Nashr, h. 20-22.

28 Hamadi al-Rudaysi & Asma' Nuwairah (2008), *al-Rad `ala al-Wahhabiyyah fi al-Qarn al-Tasi` `Ashr*, Beirut: Dar al-Tali`ah, h. 16, Abu Salafy (2009), *Mazhab Wahabi*, Jakarta: Ilya Mozaik Mutiara Islam, h. 275.

29 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 7, h. 387.



## PENDEKATAN *AL-ITHBAT* ATAU *AL-NAFY* SERTA MENOLAK *AL-TASYBIH* DAN *AL-TAJSIM*

Mengenai nama-nama dan sifat-sifat Allah, Sayyid Muhammad Rasyid Rida mengikut pendekatan *salaf al-salih* iaitu beriman dengan semua sifat dan nama-nama Allah yang disebut di dalam al-Qur'an dan hadis sahih tanpa *ditakyif* (diterangkan bentuknya), tanpa *ditasybih* dan *ditamthil* (dibuat perumpamaan dan contoh sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk),<sup>30</sup> tanpa ditakwil atau diubah kepada makna lain dari yang disebut dan tanpa *ta'til* iaitu dinafikan sifat-sifat Allah,<sup>31</sup> bahkan menyakini bahawa Allah tidak menyerupai dengan makhluknya.<sup>32</sup> Walaupun beliau tidak menolak sepenuhnya pendekatan aliran khalaf, ini dapat dibuktikan apabila beliau berkata:<sup>33</sup>

*“Ada di antara tasybih yang mendatangkan fitnah dan meliarkan dan sebahagian daripada takwil dapat menghilangkan sebahagian keraguan yang menyesatkan. Oleh kerana itu kami menyebut sebahagian daripada pentakwilan aliran khalaf walaupun kami berpegang dengan prinsip tafwid aliran salaf”*

Pentafsiran Sayyid Muhammad Rasyid Rida tentang persoalan tauhid ini adalah sama dengan pentafsiran yang dikemukakan oleh ulama-ulama salaf terdahulu seperti Imam Malik, al-Awza'i, al-Thawri, al-Laith bin Sa'd, al-Syafi'i, Ahmad bin Hanbal, Ibn Taimiyyah, Ibn al-Qayyim dan lain-lain.<sup>34</sup> Bahkan mereka sependapat dengan Nu'aym bin Hammad al-Khuza'i, guru kepada Imam al-Bukhari yang menegaskan: Sesiapa yang menyamakan Allah dengan makhluknya adalah kufur, juga orang-orang yang mengingkari apa-apa yang dinyatakan oleh Allah tentang diriNya adalah kufur, dan perkara-perkara yang dinyatakan oleh Allah dan juga rasul tentang diriNya, tidak boleh disamakan dengan sesuatu. Sesiapa yang menerima kenyataan yang dibawa oleh *athar* yang benar, berita yang pasti dan selari dengan kemuliaan Allah serta menafikan sifat-sifat kekurangan bagi Allah, maka sesungguhnya mereka telah mengikut jalan petunjuk<sup>35</sup>

30 \_\_\_\_\_ (1939), *al-Manar*, j. 35, Kaherah: Dar al-Manar, h. 473.

31 \_\_\_\_\_ (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 82. & 322.

32 *Ibid.*, j. 8, h. 400.

33 *Ibid.*, j. 7, h. 387.

34 *Ibid.*, j. 8, h. 399-340.

35 *Ibid.*

Persoalan ini telah dijelaskan oleh Ibn Taimiyyah dengan katanya: Hendaklah disifatkan Allah dengan apa yang Allah sifatkannya dan berpandukan penjelasan rasul samada pada menafikannya atau mengisibatkannya.<sup>36</sup> Segala nama dan sifat Allah adalah tidak sama dan tidak menyerupai sifat makhluk, walaupun ia kelihatan sama pada sebutan dengan sifat-sifat makhluk, tetapi hakikatnya adalah jauh berbeza<sup>37</sup> seperti yang dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:<sup>38</sup>

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ ۚ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Bagi Allah ada nama-nama yang terbaik, sebab itu memohonlah kepadanya dengan nama-nama itu dan biarkanlah orang-orang yang memutar belitkan nama-nama Allah itu, nanti mereka akan dibalas terhadap apa yang mereka lakukan”

Sayyid Muhammad Rasyid Rida dan golongan yang sealiran dengannya tidak menghadkan sifat-sifat Allah kepada bilangan tertentu, bahkan menerima apa-apa yang disifatkan dalam al-Qur’an dan hadis sahih, kerana apa-apa yang disebut di dalam al-Qur’an dan juga hadis sahih adalah benar dan wajib diterima.<sup>39</sup> Justeru beliau menegaskan bahawa sikap yang wajar diambil oleh umat Islam ialah mengikut ketetapan nas dan tidak mentakwil sifat-sifat Allah, kerana keupayaan akal adalah terhad dan ia tidak berkemampuan menanggapi persoalan tersebut. Bahkan penggunaan akal boleh membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam.<sup>40</sup>

Dalam hal ini, Sayyid Muhammad Rasyid Rida menyamai sikap Imam Malik bin Anas yang pernah menjelaskan persoalan ini dengan katanya: “Maksud *al-istiwa*’ dapat diketahui dan caranya adalah *majhul* (tidak diketahui), beriman dengannya adalah wajib dan bertanya mengenainya adalah bid’ah”<sup>41</sup>.

36 Abd. al-Rahman bin Muhammad al-Hanbali, (1398), *Majmu` Fatawa Syaykh al-Islam Ahmad Ibn Taimiyyah*, j. 3, T.T. P: h. 3.

37 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 82-83, Manna` al-Qattan (1996) *Mabahith fi `Ulum al-Qur`an*, Riyad: Maktabah al-Ma`arif li al-Nasyr wa al-Tawzi`, h. 224.

38 Surah al-A`raf: 180.

39 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 322, Abd Allah al-Salih (1978), *al-Syaykh Muhammad Ibn `Abd al-Wahhab Hayatuhu wa Fikruhu*, Riyad: Nasr Dar al-`Ulum, h. 128.

40 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 12, h. 128.

41 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 8, h. 399, Manna` al-Qattan (1996) *Mabahith fi `Ulum al-Qur`an*, Riyad: Maktabah al-Ma`arif li al-Nasyr wa al-Tawzi`, h. 224, Abd

Menurut Sayyid Muhammad Rasyid Rida, tidak ada seorang pun dari kalangan para sahabat yang mentasybih makna *istiwa'* Allah di atas *'arays* (singahsana), hasil daripada ilmu pengetahuan mereka yang menyucikan Allah daripada sifat-sifat makhluk. Mereka juga memahami bahawa maksud *istiwa'* Allah di atas singahsana adalah suatu gambaran tentang keupayaan dan *istiqamah* Allah mengurus langit dan bumi secara sendirian tanpa dibantu oleh mana-mana kuasa. Beriman kepada persoalan ini bukan bergantung kepada maklumat pengurusan alam, bentuk dan cara operasinya, juga tidak bergantung kepada maklumat tentang kewujudan *'arays* itu sendiri. Namun menurut Sayyid Muhammad Rasyid Rida, keimanan itu adalah disebabkan persoalan tentang *'arays* itu dinyatakan di dalam al-Qur'an dan hadis, di mana Allah mempunyai *arays* yang dicipta sebelum penciptaan langit dan bumi, juga di sana terdapat sejumlah para malaikat. Justeru *'arasy* (singahsana) itu seperti yang digambarkan secara literasinya merupakan pusat pentadbiran dunia. Walau bagaimanapun akidah yang murni tidak membenarkan mereka menggambarkan tentang *al-istiwa'* *'ala al-'Arasy* dengan suatu *tasybih* yang boleh menyamakan Allah dengan makhluk kejadianNya.<sup>42</sup>

Persoalan *al-istiwa'* tidak ditakwil dan tidak ditasybih oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida, beliau dan ulama yang sealiran dengannya menafikan pendapat yang mengatakan ayat-ayat al-Qur'an yang menerangkan sifat-sifat *khbariyyah* seperti *al-wajh* (muka), *al-yadd* (tangan) dan seumpamanya perlu ditakwil secara majazi untuk mengelak dari menyamakan Allah dengan sifat makhluk.<sup>43</sup>

Menurut Sayyid Muhammad Rasyid Rida, perkataan *al-yad* (tangan) dari sudut literasi membawa beberapa maksud. Sesetengah ulama mentafsirkannya secara *haqiqi*, lalu *al-yad* ditafsirkan sebagai tangan. Sebahagian yang lain pula melihatnya secara *majazi* atau *kinayah*, lalu ditafsirkan *al-yad* sebagai nikmat, kudrat, pemerintahan, pentadbiran dan sebagainya. Pun begitu ahli takwil (*khalaf*) melihat perkataan *al-yad* itu perlu ditakwilkan kepada makna lain, kerana *al-yad* yang ditafsirkan sebagai anggota tangan tidak wajar disandarkan kepada Allah. Manakala ulama salaf pula menetapkan *al-yad* (tangan) itu adalah sifat Allah, walau bagaimanapun mereka membersihkannya daripada menyerupai sifat-sifat makhluk. Dalam hal ini ulama yang sealiran dengan Sayyid Muhammad Rasyid Rida seperti Manna' Qattan dan lain-lain melihat tidak ada sebab

---

Allah al-Salih (1978), *op.cit.*, h. 130.

42 Lihat Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 8, h. 398.

43 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 9, h. 366-371, Manna' al-Qattan (1996) *op.cit.*, h. 220.

perkataan di atas perlu ditakwil, kerana pentakwilan *al-yad* kepada makna *al-qudrat* (kekuasaan) turut mengundang kekeliruan kerana sifat tersebut juga ada pada makhluk ciptaan Allah. Oleh yang demikian penentangan para ulama salaf ditujukan kepada mereka yang mentakwil lafaz-lafaz yang kabur maknanya bagi mereka, sekalipun yang demikian itu tidak kabur bagi orang lain.<sup>44</sup> Walaupun terdapat perbezaan dalam pendekatan salaf dan khalaf bagi beberapa perkataan seperti *al-yad* (tangan) samada dengan makna asalnya tangan atau maknanya yang ditakwil dengan kuasa, namun kedua-dua pendekatan tersebut memperlihatkan tiada persamaan antara Allah dan makhluk.

Selanjutnya Sayyid Muhammad Rasyid Rida menerangkan bahawa penyelewengan terhadap *Tawhid al-Asma' wa al-Sifat* dapat dilihat dalam berbagai bentuk iaitu:<sup>45</sup>

- i. Mengubah lafaz *Asma' al-Husna* dan menggantikannya dengan terminologi lain seperti *al-Lata*, *al-'Uzza* dan *Manat*.
- ii. Menyebut nama-nama Allah tidak seperti mana yang disebut oleh Allah terhadap zatNya di dalam al-Qur'an dan hadis sahih yang diriwayatkan daripada Rasulullah s. 'a.w.
- iii. Tidak menyebut nama-nama Allah seperti yang disebut sendiri oleh Allah tentang zat atau sifatNya.
- iv. Menyelewengkan nama-nama dan sifat-sifat Allah yang ditetapkan sendiri oleh Allah dengan berbagai pentakwilan. Ia boleh membawa kepada masalah *al-tasybih* dan *al-ta'til* seperti yang dilakukan oleh golongan al-Jahmiyyah dan sebahagian ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.<sup>46</sup>
- v. Berkongsi menggunakan nama-nama yang khusus bagi Allah dengan nama makhluk. Nama yang khusus bagi Allah seperti *Allah*, *al-Rahman*, *Rabb al-'Alamin* dan beberapa nama sandaran yang membawa kepada makna tersebut seperti *Rabb al-Sama' wa al-Ard*, *Rabb al-Ka'bah* dan sebagainya.
- vi. Berkongsi menggunakan makna yang merujuk kepada nama-nama yang khusus bagi Allah seperti menggunakan perantaraan (*al-*

44 Lihat *ibid.*, j. 6, h. 375, Lihat juga Abu Hasan al-Asy'ari (1985), *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, h. 77-85, Manna' al-Qattan (1996) *op.cit.*, h. 220.

45 Muhammad Rasyid Rida (1999), *op.cit.*, j. 9, h. 366-371.

46 Sebahagian ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah seperti kumpulan Asha'irah telah melihat beberapa ayat al-Quran mengenai Sifat Allah seperti *al-yad* (tangan) dengan mengambil pengertian tidak berasaskan tektual, tetapi berasaskan kontekstual. Oleh itu perkataan *al-yad* (tangan) ditafsirkan dengan kuasa kerana ungkapan *fawqa* (di atas) di akhir ayat itu boleh difahami sebagai lebih mengatasi. Oleh itu pentakwilan oleh sebahagian ulama Ahl al-Sunnah tidak sama dengan asas pentakwilan al-Jahmiyyah.

- wasilah*) dengan orang-orang saleh untuk memohon sesuatu hajat dan perkataan *al-wasilah* di sini membawa maksud Tuhan (*al-Ilah*). Pemakaian seperti ini merupakan suatu penyelewengan terhadap makna *Asma' Allah*.
- vii. Berkongsi pemahaman terhadap sifat kesempurnaan *Asma' Allah*, seperti menyangka bahawa ada dikalangan makhluk yang bersifat rahmat seperti rahmatnya Allah atau beberapa sifat lain yang merupakan makna kepada *Asma' Allah*.

Terbukti Allah mempunyai nama-nama yang baik dan sifat-sifat yang sempurna. Kedua-dua unsur itu mempunyai pertalian yang erat dan saling melengkapi di antara satu sama lain. Ia perlu difahami dengan baik oleh umat Islam untuk memudahkan mereka memahami konsep *uluhiyyah* dan *rububiyyah* Allah. Justeru itu pemahaman yang jelas tentang kedudukan *al-asma'* dan *al-sifat* memudahkan seseorang untuk memahami konsep keesaan Allah. Perkara inilah yang ditekankan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida dalam *Tafsir al-Manar* khususnya apabila mentafsir ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh persoalan tersebut.

## ULASAN PENILAIAN PERBANDINGAN

Secara umum Syeikh Muhammad Rasyid Rida boleh disifatkan antara tokoh dari madrasah islah Syeikh Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh. Pergerakannya berasaskan pendekatan sederhana yang memperseimbangkan di antara *al-nassi* dan *al-fikri*. Pendekatan yang digunakan ini menyebabkan ianya mudah diterima oleh masyarakat Islam di seluruh dunia termasuk Alam Melayu.

Sayyid Muhammad Rashid Rida cenderung memanjangkan pendekatan Ibn Taimiyyah dalam pendidikan akidah berasaskan *Rububiyyah*, *Uluhiyyah* dan *al-Asma' wa al-Sifat* yang diterima oleh golongan Kaum Muda. Walau bagaimanapun pimpinan ulama Kaum Tua menerapkan pendidikan akidah berasaskan pendekatan sifat 13 oleh Abu Hasan al-Asha'ari, ditambah tujuh lagi oleh al-Maturidi. Berasaskan pendekatan ini sifat dua puluh menjadi amalan masyarakat Islam di Malaysia dan Alam Melayu yang asalnya telah dimasyhurkan oleh Muhammad al-Sanusi<sup>47</sup> yang

47 Nama penuh al-Sanusia ialah Muhammad bin Yusuf bin Umar bin Syu'ayb al-Sanusi al-Maliki seorang sarjana Islam terkenal pada abad ke 9. Lahir pada tahun 832H dan meninggal dunia pada tahun 895H pada usia 63 tahun. Ahmad Baba al-Tambakti (2004), *Nayl al-Ibtihaj bi Tatriz al-Dibaj*, j. 2, Kaherah: Matba'ah al-Thaqafah al-Diniyyah, h. 257.



diperolehi oleh ulama Melayu semasa mengikuti pengajian di Mekah.

Pada asasnya al-Sanusi telah memasyhorkan pendidikan akidah melalui pembahagian sifat Nafsiyyah, Salbiyyah dan Maknawiyah kerana dikira lebih mantap bagi menggambarkan hakikat Allah dan penolakan unsur-unsur negatif mengenai Allah (al-Salbiyyah).

Dari sudut lain, pemakaian *al-Asma' wa al-Sifat* pada asas adalah untuk objektif doa seperti difahami dari pernyataan Allah pada ayat 180 dari surah al-A'raf. Ibn Taimiyyah dan aliran pemikirannya yang diikuti Sayyid Muhammad Rasyid Rida telah memberi unsur tambahan dengan menjadikannya Sifat Allah sebagai pendidikan akidah. Keadaan ini menjadi asas kepada pendidikan akidah yang lebih luas. Manakala pendekatan Madrasah al-Asy'ari pula kelihatan lebih ringkas tetapi tidak pula menidakkan *al-Asma wa al-Sifat*, kerana beberapa nama Allah yang disebutkan sebagai *al-Asma'* telah terangkum dalam sifat *al-Wujud* dalam pendekatan al-Sanusi seperti *al-Nur*, *al-Tahir*, *al-Batin* dan lain-lain. Manakala nama-nama lain pula telah terangkum dalam beberapa sifat *al-Ma'ani* dan *al-Salbiyyah*.<sup>48</sup>

Keadaan ini menggambarkan bahawa pendekatan Ibn Taimiyyah melalui perspektif menginovasi *al-Asma'* sebagai sifat kelihatan lebih terperinci dan luas, tetapi pendekatan al-As'ari, al-Maturidi dan al-Sanusi kelihatan lebih ringkas dan telah memasukkan *al-Asma'* sebagai sifat melalui sifat dua puluhnya. Ia menunjukkan bahawa penjelasan *al-Asma'* sebagai sifat Allah dalam pendekatan al-Sanusi tidak sedikitpun mengurangkan pengenalan sifat Allah dalam pendekatan Ibn Taimiyyah.

Begitu juga pendekatan Madrasah al-As'ari, al-Maturidi dengan huraian al-Sanusi, tentang sifat Allah telah dikemukakan secara lengkap dengan rumusan pendalilan bersepadu berasaskan pernyataan al-Quran dan akal seperti dalam huraian al-Sanusi melalui kitabnya *Umm al-Barahin*. Huraian seperti itu sehingga kini tentang *al-Asma' wa al-Sifat* tidak wujud kecuali melalui perspektif *al-Uluhiyyah dan al-Rububiyah*.

Jika perbezaan pendidikan akidah dua aliran ini diteliti secara perbandingan, terdapat unsur pertemuan antara keduanya melalui kedudukan Allah bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, namun ia hanya berbeza dalam kontek perincian antara keduanya. Dalam kontek pendidikan akidah, susunan dalam bentuk yang ringkas tetapi lengkap dari

48 Ulasan terperinci berkaitan boleh dilihat umpamanya dalam tulisan Abd al-Rahman Hasan Hanbakah al-Madani (1992), *Aqidah al-Islamiyyah wa Ususiha*, Beirut: Dar al-Qalam, h. 139-141.



sudut pendalilan adalah lebih baik untuk dijadikan landasan asas pendidikan akidah berbanding perincian yang panjang tetapi kurang sempurna dari sudut asas pendalilan *al-nas* dan *al-aqli*.

## KESIMPULAN

Penghayatan yang mendalam terhadap ajaran Islam yang berpaksikan kepada nilai-nilai tauhid pasti memberi kesan kepada kehidupan seseorang individu muslim. Lantaran tauhid merupakan asas dan teras, umpama akar tunjang bagi sepokon pokok atau hati bagi manusia. Apabila hati itu bersih dan mantap, maka lahirnya tindakan panca indera yang selari dengan sunnah Allah.<sup>49</sup>

Bagi mencapai tujuan ini Sayyid Muhammad Rasyid Rida mengolah tauhid tiga serangkai yang dapat membantu umat Islam memahami erti keesaan Allah. Kefahaman dan pendirian yang jelas tentang *Tawhid al-Rububiyyah*, *Aluhiyyah* dan *Tawhid al-Asma' wa al-Sifat* menyebabkan beliau dilihat sukar berkompromi dengan beberapa amalan buruk yang berlaku dalam masyarakat Islam seperti amalan berunsur syirik, bid'ah, khurafat dan taklid yang banyak diberi penekanan oleh beliau dalam *Tafsir al-Manar* dan karya yang lain.

Tafsiran yang dikemukakan menggambarkan bahawa pendekatan yang digunakan oleh beliau dalam memahami persoalan tauhid adalah berasaskan manhaj *al-ithbat* atau *al-Nafy* berasaskan kepada pernyataan al-Quran dan al-Hadith serta menolak sama sekali pendekatan *al-Tasybih* dan *al-Tajsim* yang diperjuangkan oleh golongan Musyabbahah dan Mujassamah.

Pendekatan dalam memahami konsep tauhid tersebut adalah berasaskan satu kerangka yang jelas dan disokong oleh dalil dan hujjah. Walaupun beliau merupakan murid yang amat rapat dengan gurunya Syeikh Muhammad Abduh, tetapi dalam membincangkan persoalan ini beliau memilih pendekatan dan kerangka yang berbeza. Lantaran itu Rif'at Sa'id berpendapat Muhammad Rashid Rida menjauhi pemikiran tajdid Abduh sedikit demi sedikit sehingga membina pemikiran sendiri yang

49 Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1996), *Miftah Dar al-Sa'adah*, 'Ali bin Husayn (ed.), j. 1, Saudi 'Arabia: Dar Ibn 'Affan li al-Nasyr wa al-Tawzi', h. 200.



berorientasikan manhaj salaf.<sup>50</sup> Walau bagaimanapun aspek kesederhanaan masih tersemat pada pemikirannya apabila meraikan kebijaksanaan pandangan para ulama yang tidak sealiran dengannya berhubung persoalan yang dibincangkan ini.

Akidah dua aliran ini diteliti secara perbandingan, terdapat unsur pertemuan antara keduanya melalui kedudukan Allah bersifat dengan segala sifat-sifat kesempurnaan, namun ia hanya berbeza dalam konteks penditilan antara keduanya. Ibn Taimiyyah dan madrasahnyanya yang diikuti Syeikh Muhammad Rasyid Rida memberi unsur tambahan dengan menjadikannya sebagai sifat-sifat Allah. Keadaan ini menjadi asas kepada pendidikan akidah yang lebih luas. Pendekatan Madrasah al-Asy'ari pula kelihatan lebih ringkas tetapi tidak pula menidakkan *al-Asma wa al-Sifat*, kerana menurut Dr Abd al-Rahman Hasan al-Hanbakah beberapa nama Allah (*al-asma'*) yang dijadikan sifat Allah terangkum dalam kategori sifat dua puluh melalui pembahagian atas kerangka sifat Nafsiah, Ma'aniah dan Salbiah.

Persoalan ini jika dilihat secara seimbang boleh dikatakan pemikiran dua aliran ini bersifat lengkap melengkapi. Berasaskan pendekatan para pendakwah yang tidak bersikap saling menidak kepada yang lain yang akhirnya membuka ruang-ruang perpecahan dalam kalangan umat Islam. Oleh yang demikian Para ilmuan dan ahli agama yang kurang mendalam mengenai persoalan ini perlu mengelakkan diri daripada menyampaikan pengajaran dalam bentuk menidak di antara satu sama lain. Begitu juga persoalan *al-Uluhiyyah*, *al-Rububiyyah* dan *al-Asma' wa al-Sifat* memerlukan masyarakat kepada penulisan kitab akidah yang lebih baik dan sempurna bagi maksud peningkatan integriti akhlak umat dan perpaduannya selari dengan paradigma Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah yang berpaksikan al-Quran dan al-sunnah bagi mencapai objektif kesatuan jammah.

---

50 Rif'ar Sa'id (1986), *Hasan al-Banna Mu'assis Harakah al-Ikhwan al-Muslimin*, Beirut: Dar al-Tali'ah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.

